

LAPORAN TAHUNAN



USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

Mesyuarat Agung
Tahunan

Ke **35**

29 OKTOBER 2010

9.00 PAGI

DEWAN PEPERIKSAAN A

KOPERASI USM BERHAD

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

Keanggotaan Sukarela Dan Terbuka

Koperasi adalah organisasi sukarela yang terbuka kepada semua orang yang boleh menggunakan perkhidmatannya dan sedia menerima tanggungjawab keanggotaan tanpa diskriminasi jantina, lapisan masyarakat, bangsa, politik mahupun agama

Kawalan Demokratik Anggota

Koperasi adalah organisasi demokratik yang dikawal oleh anggotanya mengambil bahagian secara aktif dalam usaha menentukan dasar dan membuat keputusan. Lelaki dan wanita yang berkhidmat sebagai wakil yang dipilih bertanggungjawab kepada semua anggota. Di dalam koperasi Asas, anggotanya mempunyai hak mengundi yang sama (iaitu satu anggota satu undi) dan koperasi ditahap lain disusun secara demokrasi.

Penglibatan Ekonomi Anggota

Setiap anggota menyumbangkan modal secara saksama dan mengawal modal koperasi itu secara demokrasi. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada modal itu menjadi harga bersama koperasi itu. Pada umumnya anggota yang menyumbang modal sebagai syarat keanggotaan akan menerima puiangan terhad, jika ada. Anggota akan membahagikan lebihan atau keuntungan kepada tujuan berikut; memajukan koperasi mereka mungkin melalui rezab yang sebahagian daripadanya tidak boleh diagih-agihkan kepada anggota; memanfaatkan anggota mengikut nisbah urusniaga mereka dengan koperasi itu, dan membantu kegiatan lain yang dipersetujui oleh anggota.

Otonomi Dan Kebebasan

Koperasi adalah organisasi berotonomi dan berdikari yang terkawal oleh anggotanya. Jika koperasi itu membuat perjanjian dengan organisasi lain, termasuk kerajaan atau koperasi itu mendapatkan modal daripada sumber luar, maka ia harus memelihara prinsip kawalan demokrasi oleh keanggotaan sambil otonomi koperasi itu dikekalkan.

Pendidikan Latihan Dan Maklumat

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, wakil yang terpilih, pengurus serta kakitangan supaya mereka boleh menyumbang tenaga secara berkesan kepada pembangunan koperasi mereka. Koperasi memberi maklumat tentang sifat dan manfaat koperasi kepada rakyat umum dan khususnya kepada remaja dan pemimpin masyarakat

Kerjasama Antara Koperasi-Koperasi

Koperasi berkhidmat kepada anggotanya dengan cara yang paling berkesan dan ia memperkukuhkan Gerakan Koperasi jikalau ia bekerjasama dengan struktur koperasi lain, setempat, nasional, serantau dan antarabangsa.


Prihatin Terhadap Komuniti

Di samping menumpukan kepada keperluan-keperluan anggota, koperasi-koperasi berusaha untuk mewujudkan pembangunan mapan komuniti-komuniti mereka melalui dasar-dasar yang diterima oleh anggota-anggota lain.

KANDUNGAN

<i>PERKARA</i>	<i>MUKA SURAT</i>
Seuntai Bahasa	1
Seindah Kata	2
Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke 35	3
Etika Mesyuarat Agung	5
Agenda Mesyuarat Agung Tahunan ke 35	11
Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 34	15
Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam	35
Penyata Kewangan Bagi Tahunan Berakhir 30 April 2010	
Laporan Juruaudit	41
Laporan Berkanun Lembaga	43
Kunci Kira – Kira	45
Penyata Pembahagian Keuntungan	46
Penyata Pendapatan	47
Penyata Perubahan Ekuiti	49
Penyata Aliran Tunai	50
Nota - Nota Kepada Penyata Kewangan	51
Ringkasan Penyata Pendapatan	66
Lampiran	67
Anggaran Belanjawan Bagi Tempoh 1 Mei 2010 – 30 April 2011	83

Seuntai Bahasa



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Tahniah kepada semua ahli dan Pengurusan Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad (KUSMB) sempena Mesyuarat Agung ke 35 ini. Saya percaya pihak Koperasi USM kini bersedia untuk melangkah jauh ke hadapan untuk menjadi koperasi paling berjaya dan contoh ikutan kepada pertubuhan koperasi lain di mana sahaja.

Malah, yang lebih penting berupaya untuk melakukan transformasi dengan memastikan bukan sahaja berupaya mencatat keuntungan dari segi kewangan dan aset harta benda, tetapi turut berkongsinya dengan ahli-ahli dan bersama-sama pula untuk menjadi pemain utama dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam usia ini, saya yakin Koperasi USM berupaya membantu universiti dalam menjayakan Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) dalam aspek-aspek pembangunan sosial dan lain-lainnya dari semasa ke semasa.

Elok juga kalau Koperasi USM dapat bergabung tenaga misalnya dengan kepakaran Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) dan Pusat Pengajian Pengurusan dalam menjalankan amalan pengurusan perniagaan yang baik dan berganding bahu dengan Bahagian Hal-Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) untuk memajukan program keusahawanan serta pihak-pihak lain yang bersesuaian untuk tujuan yang sama.

Cabaran besar juga ialah untuk memajukan Anjung Semarak bagi memastikan ia menjadi satu lagi mercu tanda untuk menghidupkan budaya ilmu, kesenian dan kebudayaan melalui kerjasama dengan Pusat Pengajian Seni dan memanfaatkan kepakaran di Dewan Budaya.

Yang penting Koperasi USM pada usia ini dapat membanggakan universiti dari segi perkhidmatan dan keupayaannya menjadi satu lagi pemangkin pembangunan holistik dan lestari yang kita dambakan.

Syabas dan tahniah. Moga usaha ini akan mendapat keberkatan Allah s.w.t.

Sekian, terima kasih. **والسلام**

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

Yang ikhlas,

(DZULKIFLI ABDUL RAZAK, PROF. TAN SRI DATO')
Naib Canselor

Seindah Kata



Assalamualaikum Wr. Wb. dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, setelah 3 dekad penubuhan, Koperasi Universiti Sains Malaysia Bhd (KUSMB) mulai meneroka segmen ke 4 perniagaan, iaitu kafe di Anjung Semarak. Tiga segmen perniagaan yang menjadi tunjang utama kepada KUSMB adalah perniagaan buku dengan jenama *Book Garden*, Kedai Mahasiswa dan Ushoppe serta Kedai Farmasi. *Book Garden* yang memfokuskan kepada buku teks, buku sekolah dan bahan penerbitan elektronik menyumbang 80% daripada RM14.5 juta nilai pelaburan KUSMB, diikuti Kedai Mahasiswa dan Ushoppe 10%, Kedai Farmasi 9% dan lain-lain 1%. Dari segi anjakan pasaran, KUSMB melabur 29% di luar USM pada tahun ini berbanding 24% pada tahun lepas.

Menjejaki dekad kedua kurun ini, yang tertanda dengan ketidaktentuan dan pasang surut ekonomi tempatan dan global, KUSMB sedang menjajarkan hala tuju, mengujudkan budaya perniagaan yang menepati prinsip dan matlamat syariah serta memperkasakan talian hayat perniagaan melalui strategi penyegaran perniagaan, pemantapan organisasi, penambahbaikan operasi, peningkatan pendapatan dan tabungan, penjenamaan produk dan penerokaan peluang perniagaan baru serta perkongsian pintar.

Anjung Semarak adalah hasil cetusan YBhg Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abd Razak, Naib Canselor USM. Memorandum persefahaman di antara KUSMB dengan Giat MARA dan Azla Management dalam mengendalikan Anjung Semarak menandakan kerjasama pintar melibatkan latihan dan kemahiran staf, bekalan, penyediaan dan penyajian makanan, serta pengurusan dan mobilisasi. KUSMB sedang berusaha untuk mengujudkan talian hayat kedua menerusi kafe di Anjung Semarak, rangkaian *Ushoppe outlet*, *franchise* dan program usahawan *Ushoppe*.

Lembaga Pengarah dan staf KUSMB merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada YBhg Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abd Razak, Naib Canselor USM di atas kepercayaan dan kerjasama serta sokongan yang bermakna kepada KUSMB dalam Memastikan Kelestarian Hari Esok. Terima kasih kepada semua anggota KUSMB, warga kampus, jabatan-jabatan dan pusat-pusat pengajian serta para pelanggan yang senantiasa memberi sokongan dan setia bersama KUSMB.

Wabillahi Taufiq. Wal hidayah.

PROF. MADYA MOHAMAD SUHAIMI JAAFAR
Pengerusi Lembaga Pengarah
Koperasi Universiti Sains Malaysia Bhd.



**KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(U.S.M. CO-OPERATIVE LTD)
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

11800 PULAU PINANG, WEST MALAYSIA.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

TEL: 04-6533888 EXT. 3229, 3230 FAX: 04-6575688 E-mail: usmcoop@tm.net.my

Ruj: UP/CB/AGM35/10

Tarikh : 8 Oktober 2010

Semua Anggota
Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad

AHLI YANG MENGHADIRI MESYUARAT INI AKAN DIBERI
ELAUN KEHADIRAN SEBANYAK RM30.00. WAKIL TIDAK
DIBENARKAN.

BERSAMA-SAMA INI DISERTAKAN BUKU LAPORAN TAHUNAN
2010. SILA BAWA BERSAMA PADA HARI MESYUARAT.

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35

1. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 akan diadakan pada **29 Oktober 2010 (Jumaat), Jam : 9.00 pagi** di Dewan Peperiksaan A, Universiti Sains Malaysia.
2. Pendaftaran bermula pada jam **8.15 pagi** dan mesyuarat akan dimulakan **tepat jam 9.00 pagi**. Kaunter pendaftaran akan ditutup pada jam **9.30 pagi** dan pendaftaran lewat tidak akan diterima.
3. Sila kembalikan keratan di bawah sebagai pengesahan kehadiran tuan/puan.
4. Sebarang aduan atau usul yang perlu dibincangkan di Mesyuarat Agung, hendaklah disampaikan kepada Koperasi ini dalam tempoh tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung.
5. Sila dapatkan maklumat saham ahli dengan melayari laman web www.kusmb.com
6. Kehadiran tuan/puan diucapkan terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

(MOHD PISOL GHADZALI)
Setiausaha Lembaga Pengarah

Daripada: _____

No. Ahli: _____

Kepada:

Setiausaha Lembaga Pengarah
Koperasi USM Berhad
Universiti Sains Malaysia

Saya akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-35 Koperasi USM Berhad, Universiti Sains Malaysia, yang akan diadakan pada **29 Oktober 2010 (Jumaat), jam: 9.00 pagi** di Dewan Peperiksaan A, Universiti Sains Malaysia.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan Anggota)

sk : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang

LAPORAN
TAHUNAN

2010

Mesyuarat Agung

Tahunan

Ke-35

ETIKA
MESYUARAT
AGUNG

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat

2. Bahasa Rasmi

Bahasa bagi acara mesyuarat adalah bahasa yang sesuai dan sebolehnya difahami oleh majoriti anggota yang hadir. Walau bagaimanapun, koperasi digalakkan menjalankan mesyuarat dalam Bahasa Malaysia. Minit mesyuarat hendaklah disediakan dalam Bahasa Malaysia

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang kecil.

4. Perkara-perkara Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat. Semua perkara yang tercatat dalam Agenda Mesyuarat hendaklah diutamakan lebih daripada perkara-perkara yang lain.

5. Korum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang kecil.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit Mesyuarat Agung yang lalu akan diedarkan dan dibaca untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenar. Hanya selepas pengesahan dibuat dan ditandatangani oleh Pengerusi, ahli-ahli boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbincangan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Mesyuarat Agung boleh melantik seorang Setiausaha untuk mencatat perjalanan mesyuarat dan beliau hendaklah menyerahkan Minit Mesyuarat itu kepada Setiausaha koperasi dalam tempoh dua minggu dari tarikh Mesyuarat Agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang sah dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan, sokongan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam Agenda Mesyuarat

9. Laporan Tahunan

9.1 Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah Minit Mesyuarat Agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah dicatatkan sebagai "Telah diterima dan diluluskan".

9.2 Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan dari lain-lain perkara. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi. Syor seperti ini hendaklah mengenai perkara yang tidak boleh diterima atau sebarang ketinggalan yang mendukacitakan.

10. Tertib Bercakap

10.1 Anggota-anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila dipanggil oleh Pengerusi mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Apabila lebih dari seorang bangun untuk bercakap, anggota terdahulu diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, keputusan terletak pada Pengerusi.

10.2 Anggota-anggota tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu untuk menjawab. Tetapi sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, seseorang anggota, sungguhpun telah bercakap boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu

10.3 Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota yang sedang bercakap kecuali:-

(a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang menegur hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak ditegur untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau

(b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan anggota yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

10.4 Jika seseorang anggota mengganggu anggota lain yang sedang bercakap atau menggunakan bahasa kasar atau biadap dan engkar mematuhi arahan Pengerusi apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi. Ia akan diminta meninggalkan mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi.

10.5 Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain anggota tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbincangan

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi dua minit.

12. Isi-Isi Ucapan

12.1 Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan

12.2 Perkara-perkara yang dalam timbangan mahkamah tidak boleh disebut

12.3 Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh ditimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

12.4 Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap anggota lain

12.5 Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung atau nama DYMM Raja-raja Melayu atau Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Mesyuarat

12.6 Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan :-

- (a) perkataan-perkataan derhaka pada negeri;
- (b) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan; dan
- (c) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.

12.7 Jika pada timbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak akan membawa kepada kesalahan dari segi mana-mana peraturan, maka masalah itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang (bahas) walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul

- 14.1 Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai "Usul Asal" dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai "pindaan".
- 14.2 Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- 14.3 Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam Agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan.
- 14.4 Seorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh Mesyuarat Agung. Tetapi disyaratkan pindaan itu pada timbangan Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal.
- 14.5 Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya tidak dimasukkan dalam Agenda, Pengerusi, apabila sampai masanya, mengisytiharkan dalam Mesyuarat Agung bahawa usul tersebut itu telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- 15.1 Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- 15.2 Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih dari sekali sesuatu usul atau pindaan usul dan tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal.

17. Hak Menjawab

- 17.1 Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat ia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.
- 17.2 Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada pembawa pindaan.

18. Pengundian

- 18.1 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi muktamad.
- 18.2 Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri.
- 18.3 Cara mengundi hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang kecil.

19. Adab Anggota Tidak Bercakap

Semasa Mesyuarat sedang berjalan :-

- (a) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib ;
- (b) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;
- (c) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali bahan-bahan yang ada kena mengena dengan perkara yang dibahaskan;
- (d) Apabilaseseorang anggota sedang bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak membuat gangguan.

20. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- 20.1 Bila anggota-anggota ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- 20.2 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya Etika Mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta dipertimbangkan semula.
- 20.3 Pengerusi, setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat, boleh memerintahkan ia berhenti bercakap.
- 20.4 Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak senonoh (biadab) keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- 20.5 Anggota yang diperintahkan keluar menurut para 20.4 dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- 20.6 Sesuatu perkara yang berbangkit hanya mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive), maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.

- 20.7 Jika Mesyuarat Agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip 'natural justice' hendaklah dipakai.
- 20.8 Jika berlaku kekacauan besar dan luarjangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pada pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

21. Kuasa Pindaan

Anggota atau Lembaga dari semasa ke semasa boleh mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Agung bagi meminda mana-mana peruntukan Etika Mesyuarat Agung ini.

LAPORAN TAHUNAN

2010

Mesyuarat Agung
Tahunan

Ke-35

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 35

LAPORAN
TAHUNAN

2010

Mesyuarat Agung
Tahunan

Ke-35

AGENDA MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN
KE - 35

**KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35 PADA 29 OKTOBER 2010
BERTEMPAT DI DEWAN PEPERIKSAAN A
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA JAM 9.00 PAGI**

AGENDA

1. Ucapan Aluan Pengerusi Lembaga KUSMB 2009/2010

Pengerusi Lembaga KUSMB 2009/2010 akan memberikan ucapan aluan bersempena Mesyuarat Agung Tahunan ke-35

2. Memilih Pengerusi Mesyuarat Agung Ke-35

Menurut Seksyen 33(1), Undang-undang Kecil, peruntukan bagi pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung adalah seperti berikut :-

Mesyuarat hendaklah memilih mana-mana anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat agung.

Oleh itu mesyuarat diminta memilih seorang Pengerusi.

3. Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Ke-35.

Menurut Seksyen 32(1)(j), Undang-undang Kecil, mesyuarat diminta melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang anggota lembaga untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-35.

4. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke 34.

Setiausaha Lembaga akan membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34 yang telah diadakan pada 29 Oktober 2009 untuk disahkan.

5. Menimbang Laporan-Laporan:

Setiausaha Lembaga akan membentangkan laporan-laporan berikut :

- (a) Laporan Lembaga
- (b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman

6. Menimbang dan Meluluskan Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahun Berakhir 30 April 2010.

Bendahari Lembaga akan membentangkan laporan penyata kewangan yang tersebut di atas

7. Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan bagi Akaun Berakhir 30 April 2010.

Pengerusi Lembaga akan membentangkan cadangan pembahagian keuntungan selepas pembahagian berkanun dan cukai.

8. Menimbang dan Meluluskan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 1 Mei 2010 – 30 April 2011.

Bendahari Lembaga akan membentangkan anggaran belanjawan (perbelanjaan dan pendapatan)

9. Memilih Anggota-Anggota Lembaga

3 anggota Lembaga mengosongkan jawatan mereka mengikut Seksyen (36) Undang-undang Kecil boleh dilantik semula.

- i) Dr Nailul Murad Mohd Noor
- ii) Profesor Madya Md Roslan Hashim
- iii) Dr Othman Sulaiman

10. Meluluskan Perlantikan Panel Firma Audit bagi Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi.

Mesyuarat diminta meluluskan perlantikan suatu panel firma audit seperti berikut :-

- i) Ahmad Abdullah & Goh
- ii) Jamal, Amin & Partners
- iii) Salihin Consultant Group (Kuzaimi & Co)
- iv) Peter Chong & Co

11. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.

Menurut Seksyen 32(1)(i) Undang-undang Kecil, mesyuarat diminta menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini. Mesyuarat akan menimbang cadangan had maksimum pinjaman ditetapkan sebanyak RM 5 juta (RM 5,000,000.00).

12. Menimbang dan Meluluskan Skop dan Had Pelaburan.

Menurut Seksyen 32(1)(h) Undang-undang Kecil, mesyuarat diminta menentukan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi ini. Mesyuarat akan menimbang cadangan had maksimum untuk membeli aset tetap dan saham ditetapkan RM 3 juta (RM 3,000,000.00).

13. Mendengar, Menimbang dan Memutuskan Sebarang Aduan atau Usul.

Mesyuarat ini akan menimbang perkara-perkara lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha Lembaga Koperasi, tujuh(7) hari sebelum tarikh ini jika ada.

MINIT MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN
KE - 34

LAPORAN TAHUNAN

2010

Mesyuarat Agung

Tahunan

Ke-35

MINIT MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN
KE - 34

**KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (KUSMB)
MESYUARAT AGUNG KE-34
(No. Pendaftaran Koperasi : 4806)
11800 USM, Pulau Pinang**

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34 yang telah diadakan pada hari Khamis,
29 Oktober 2009, jam 9.30 pagi di Dewan SK 1,
Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia

Hadir : 510 anggota seperti di Lampiran A

Turut hadir : Puan Arnida Alias
Penolong Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang

Encik Shahul Hameed Abdul Kudus (Pengurus Audit)

Encik Khalid Nasar Habeeb (Pengurus Audit)

Puan Siti Farahiyah Hamdan (Pembantu Audit)

Cik Zurina Md. Zaini (Pembantu Audit)

Tetuan Salihin Consultant Group (Kuzaimi & Co)

Encik Muhammad Amran Abdul Aziz

Pengurus

Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad

Penolong-Penolong Pengurus

Cawangan-Cawangan

Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad

Ucapan Aluan
Pengerusi Lembaga
KUSMB 2008/2009

1. Pengerusi Lembaga, Profesor Madya Dr. Mohamad Suhaimi Jaafar (4320) mengucapkan terima kasih kepada semua tetamu dan anggota-anggota yang hadir pada mesyuarat kali ini. Pengerusi memulakan ucapan dengan memberitahu bahawa keanggotaan koperasi semakin bertambah. Koperasi telah menerima 193 anggota baru manakala anggota yang berhenti adalah seramai 4 orang menjadikan bilangan bersih anggota pada 30 April 2009 ialah 1511 orang.

Modal syer pada tahun ini tetap sama iaitu sebanyak RM 2,318,806.43. Berdasarkan laporan dan penyata kewangan, jumlah jualan mengalami sedikit kemerosotan iaitu RM 12.71 juta jika dibandingkan dengan RM 14.14 juta pada tahun sebelumnya. Kemerosotan ini telah diduga lebih awal dan langkah kawalan perbelanjaan telah diambil. Hasilnya untung bersih masih dapat dipertahankan pada tahap yang patut.

Pengerusi turut menerangkan penjanaan pendapatan terbesar koperasi adalah melalui penjualan buku oleh *Book Garden* iaitu 86.66%. Diikuti oleh Kedai Farmasi sebanyak 11.60% dan seterusnya Kedai Mahasiswa iaitu 1.74%. Selain itu, koperasi turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Public Bank Berhad dan juga Bank Rakyat (M) Berhad bagi menjana pendapatan tambahan.

Bagi perancangan 5 tahun, koperasi telah merancang pelbagai strategi seperti berikut:

- Memperkasakan daya saing dari segi memperkukuhkan tenaga kerja dan produktiviti, meningkatkan nilai jualan, prasarana dan juga wang tabungan KUSMB
- Memperkasakan Kedai Mahasiswa, *Book Garden* dan Kedai Farmasi
- Mewujudkan perniagaan baru dalam bidang yang berpotensi iaitu mewujudkan talian hayat kedua
- Memberi pulangan yang menarik kepada anggota KUSMB

Memperkasakan talian hayat perniagaan 2010 yang bakal dilaksanakan ialah:

- Penyegaran strategi perniagaan
- Pemantapan organisasi, penambahbaikan operasi dan peningkatan pendapatan dan tabungan
- Penjenamaan produk dan juga penerokaan peluang perniagaan baru

Selain itu, Pengerusi turut memberitahu pakej rangsangan yang dilaksanakan seperti berikut:

- Dividen 10% kepada anggota KUSMB
- Kumpulan Wang Kebajikan Am termasuklah khairat kematian, bencana alam, kemalangan, hospitaliti dan cenderahati anggota yang bersara
- Perolehan bagi anggota yang layak melalui Tabung Sumbangan Pendidikan (Basiswa Anak Anggota)
- Pelbagai insentif lain yang terdiri daripada Tabung Pembangunan, Tabung Aktiviti Pelajar / Masyarakat, Tabung Aktiviti Pelajar Jurusan Farmasi

Sebelum mengakhiri ucapan, Pengerusi turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Naib Canselor USM, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Pembangunan dan Jabatan Keselamatan. Tidak dilupakan juga kepada Dekan, Pengarah, Penyelaras, Ketua Jabatan dan staf USM. Malah ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pulau Pinang, Public Bank Berhad, Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, Bank Muamalat Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan semua pelanggan KUSMB. Penghargaan khas diucapkan kepada semua staf dan anggota KUSMB di atas kerjasama, kebersamaan dan sokongan penuh selama ini.

Memilih Pengerusi
Mesyuarat Agung
Ke-34

2. Mesyuarat sebulat suara memilih Profesor Madya Dr. Mohamad Suhaimi Jaafar (4320) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34 setelah dicadangkan oleh Cik Zainab Abu Bakar Marican (1288) dan disokong oleh Encik Anas Hasan (1696).

Melantik
Jawatankuasa
Menentusahkan Draf
Minit Mesyuarat
Agung Ke-34

3. Pengerusi memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Khas terdiri daripada Pengerusi Mesyuarat Agung dan enam anggota lain perlu dilantik untuk menentusahkan Minit Mesyuarat Agung ke-34.

Mesyuarat bersetuju memilih enam (6) orang anggota berikut:

- i. Cik Zainab Abu Bakar Marican (1288)
- ii. Puan Zahara S. Jaffar (4781)
- iii. Encik Mohd Rosli Mohd Diah (1174)
- iv. Encik Boopalan a/l Soundraju (4629)
- v. Encik Khairi Hashim (4706)
- vi. Puan Rasilah Said (4910)

Mengesahkan Minit
Mesyuarat Agung
Ke-33

4. Setiausaha Lembaga, Encik Mohd Pisol Ghadzali (4919) membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 (muka surat 13-33) yang telah diadakan pada 31 Oktober 2008 untuk disahkan.

Encik Mohd Zamadi Omar (4669) mencadangkan supaya Minit Mesyuarat tersebut disahkan dan disokong oleh Encik A Rahman Ismail (1378)

Menimbang Laporan-
Laporan

5. Setiausaha Lembaga telah membentangkan Laporan Tahunan KUSMB bagi tempoh 1 Mei 2008 hingga 30 April 2009. Laporan Lembaga seperti di muka surat 35 hingga 38 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman di muka surat 39.

Menimbang dan
Meluluskan Laporan
Penyata Kewangan
dan Akaun Teraudit
bagi Tahun Berakhir
30 April 2009

6. Bendahari Lembaga, Encik Wan Mazlan Ab Rahman (4764) telah membentangkan Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahun Berakhir 30 April 2009 (muka surat 45 - 92).

- a) Encik Rizol Md Ariff (4671) merujuk kepada peratusan pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori di muka surat 52 – terdapat dua peratusan yang berbeza iaitu 12% dan juga 22%.

Bendahari menjelaskan pembahagian 12% merupakan peratusan bagi tahun 2008 dan 22% untuk tahun 2009.

Encik Rizol Md Ariff (4671) juga mempertikaikan perubahan peratusan pembahagian dari tahun ke tahun.

Pengerusi menerangkan bahawa perbezaan peratusan tersebut disebabkan Koperasi tertakluk kepada pindaan akta baru oleh SKM.

- b) Encik Nordin Mohamed (4690) mahukan penjelasan mengenai kerugian yang dicatatkan dalam Penyata Pendapatan (muka surat 85-86) yang dialami oleh Kedai Mahasiswa USM pada tahun 2009.

Bendahari memaklumkan bahawa persaingan Kedai Mahasiswa USM sangat sengit dengan kedai-kedai di luar. Tambahan pula pembelian barangan oleh Kedai Mahasiswa USM adalah pada harga yang agak tinggi disebabkan jumlah barangan yang dibeli adalah sedikit. Oleh yang demikian keuntungan tidak dapat dijana dengan banyak.

Bendahari turut menyarankan kepada semua ahli untuk turut sama membantu mempromosikan Kedai Mahasiswa USM kepada Ketua Jabatan ataupun Dekan untuk membuat pembelian barangan menerusi Koperasi.

- c) Puan Chew Mun Wai (1343) merujuk kepada Kunci Kira-Kira pada 30 April 2009 (muka surat 51) mahukan penjelasan mengenai jumlah overdraf bank tahun 2009 yang tidak menunjukkan sebarang angka.

Bendahari menjelaskan ruangan overdraf bukan sengaja dikosongkan tetapi koperasi tidak membuat sebarang overdraf bank bagi tahun 2009 kerana kawalan aliran tunai yang stabil. Malah, koperasi akan cuba sedaya upaya untuk meminimumkan overdraf bank selagi termampu.

- d) Cik Zainab Abu Bakar Marican (1288) mencadangkan kepada KUSMB supaya mengeluarkan surat ke jabatan-jabatan di USM sebagai promosi untuk membeli barangan di Kedai Mahasiswa.

Pengerusi akan mempertimbangkan pandangan yang telah dikemukakan.

- e) Puan Zahara S. Jaffar (4781) mencadangkan agar Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahun Berakhir 30 April 2009 diluluskan dan disokong oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah (1174)

Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan bagi Akaun Berakhir 30 April 2009

7. Pengerusi membentangkan cadangan pembahagian keuntungan bagi Akaun Berakhir 30 April 2009 seperti di muka surat 71 dan 72, Perkara 18. Penyata pembahagian keuntungan ini boleh dirujuk di muka surat 52 iaitu peruntukan dividen sebanyak 10% kepada anggota yang berjumlah RM 216,444.18, Kumpulan Wang Penebusan Syer berjumlah RM 44,290.55, Kumpulan Wang Kebajikan Am berjumlah RM 24,107.00, Tabung Aktiviti Pelajar/Masyarakat berjumlah RM 24,107.00, Tabung Biasiswa Anak Anggota RM 24,107.00, Tabung Pembangunan RM 24,107.00 dan Tabung Aktiviti Pelajar Jurusan Farmasi RM 8,141.52.

Encik Mohd Rosli Mohd Diah (1174) mencadangkan agar cadangan pembahagian keuntungan ini diterima dan disokong oleh Puan Zuraidah Mohamad Noor (4775)

Menimbang dan Meluluskan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 1 Mei 2009 – 30 April 2010

8. Bendahari Lembaga, Encik Wan Mazlan Wan Ab Rahman (4764) membentangkan Anggaran Belanjawan bagi tempoh 1 Mei 2009 – 30 April 2010 seperti di muka surat 93. Beliau terlebih dahulu memberikan sedikit gambaran mengenai pasaran Koperasi. Secara keseluruhan pasaran Koperasi kebanyakannya melibatkan agensi kerajaan. Seperti yang semua sedia maklum, bajet 2010 yang telah dibentangkan pada 23 Oktober 2009 lalu terdapat banyak pemotongan, dengan harapan ianya tidak mempengaruhi pendapatan Koperasi. Bendahari juga menyeru semua anggota untuk turut sama menyokong Koperasi dengan membuat pembelian menerusi Koperasi agar pendapatan yang lebih banyak dapat dijanakan.

Puan Zahara S. Jaffar (4781) mencadangkan agar anggaran belanjawan bagi tempoh 1 Mei 2009 – 30 April 2010 diluluskan dan disokong oleh Puan Mumdas Beham Abd Karim (0012).

Memilih Anggota-
Anggota Lembaga

9. Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat tiga (3) kekosongan anggota Lembaga seperti berikut:

- i. Encik Wan Mazlan Wan Ab Rahman (4764)
- ii. Profesor Dr. Munavvar Zubaid Abdul Sattar (4674)
- iii. Profesor Saringat Haji Baie (0455)

Mereka akan mengosongkan jawatan mengikut Seksyen (36) Undang-Undang Kecil dan mereka boleh dilantik semula. Pengerusi turut mengumumkan kepada anggota bahawa Profesor Saringat Haji Baie akan mengundur diri. Beliau memohon untuk digugurkan daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah kerana akan bersara. Pada bulan November nanti, beliau juga akan menunaikan Haji.

Puan Chew Mun Wai (1343) mencadangkan Encik Wan Mazlan Wan Ab Rahman (4764) dilantik semula dan disokong oleh Encik Ng Eng Hock (1207).

Encik Abu Othman (0379) mencadangkan Profesor Dr. Munavvar Zubaid Abdul Sattar (4674) dilantik semula dan disokong oleh Encik Anas Hasan (1696).

Profesor Saringat Haji Baie (0455) mencadangkan Profesor Hashim Othman (4562). Cadangan tersebut ditolak oleh Profesor Hashim kerana beliau akan bersara tidak lama lagi.

Dr. Nailul Morad Mohd Nor (4157) mencadangkan Encik Shahrizal Nazri (4702) dan disokong oleh Puan Zahara S. Jaffar (4781). Encik Rosli Mohd Diah (1174) kemudiannya mencadangkan agar cadangan ditutup.

Cadangan Pindaan
Undang-Undang
Kecil

10. Pengerusi membentangkan cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil (muka surat 43).

Encik Halim Hamid (5133) ingin tahu permasalahan yang timbul apabila anggota yang telah bersara menetap di negeri lain.

Pengerusi menerangkan bahawa keanggotaan Koperasi tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh SKM Negeri Pulau Pinang. Dahulunya keanggotaan Koperasi boleh diteruskan bagi bekas kakitangan sepenuh masa USM yang menetap di Pulau Pinang tidak termasuk Seberang Perai. Setelah pindaan dibuat, bekas kakitangan sepenuh

masa USM boleh meneruskan keanggotaannya dengan syarat menetap di Pulau Pinang.

Cik Zainab Abu Bakar Marican (1288) mencadangkan agar cadangan pindaan tersebut diluluskan dan disokong oleh Puan Mumdas Beham Abd Karim (0012).

- Meluluskan Pelantikan Panel Firma Audit bagi Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi
11. Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu Panel Firma Juruaudit Luar perlu diluluskan untuk dipilih sebagai Juruaudit Luar Koperasi.

Firma Juruaudit Luar tersebut terdiri daripada:

- i. Ahmad Abdullah & Goh
- ii. Jamal, Amin & Partners
- iii. Salihin Consultant Group (Kuzaimi & Co)
- iv. Peter Chong & Co

Encik Abu Othman (0379) mencadangkan supaya kesemua firma audit tersebut dipilih untuk dipertimbangkan dan sokong oleh Cik Zainab Abu Bakar Marican (1288).

- Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi
12. Bendahari Lembaga memaklumkan bahawa Anggota Lembaga mencadangkan had maksimum keterhutangan berjumlah RM3 juta digunakan sebagai modal kerja untuk kelulusan mesyuarat.

Encik Abu Othman (0379) mencadangkan agar had keterhutangan koperasi diluluskan dan disokong oleh Puan Zahara S. Jaffar (4781).

- Menimbang dan Meluluskan Skop dan Had Pelaburan
13. Bendahari Lembaga mencadangkan supaya skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi adalah sebanyak RM2 juta.

Encik Mohd Rosli Mohd Diah (1174) mencadangkan supaya skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi diluluskan dan disokong oleh Encik Ng Eng Hock (1207)

Mendengar,
Menimbang dan
Memutuskan
Sebarang Aduan
atau Usul

14. a) Pengerusi memaklumkan tiada sebarang usul yang telah diterima dan memberi peluang kepada anggota untuk mengemukakan sebarang cadangan mahupun aduan.
- b) Encik Rizol Md Ariff (4671) ingin tahu mengenai usul yang lalu iaitu mata ganjaran ditukarkan kepada baucer dan mahukan penjelasan setakat mana perlaksanaannya.

Encik Muhammad Amran Abdul Aziz selaku Pengurus Koperasi menjelaskan bahawa usul tersebut diterima tetapi terdapat permasalahan dari segi rekod. Hal ini disebabkan oleh masalah sistem perisian komputer. Buat masa sekarang, rekod hanya dicatatkan secara manual. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang lalu juga telah bersetuju untuk menukarkan setiap 1000 mata ganjaran bersamaan RM 10.00 baucer. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya ditangguhkan sementara sehingga masalah sistem dapat diatasi untuk kepuasan anggota dan pihak Koperasi sendiri.

- c) Encik Rizol Md Ariff (4671) merujuk Aturan Tabung-Tabung dan Kumpulan Wang yang diedarkan muka surat 49 Perkara 3(a) iaitu Undang-Undang Kecil 61 (2)e. Sekiranya disemak dalam Undang-Undang Kecil, tiada peruntukan sedemikian. Begitu juga di muka surat 51 Perkara 1 (b).

Pengerusi menjelaskan perkara ini berlaku disebabkan oleh pindaan Undang-Undang Kecil telah dibuat. Aturan Tabung-Tabung dan Kumpulan Wang tersebut akan diselaraskan dengan pindaan yang baru.

- d) Encik A Rahman Ismail (1378) ingin mengetahui perkembangan cadangan yang telah dikemukakan pada minit mesyuarat ke-33 mengenai stesyen minyak kerana kertas kerja telah dibuat bagi cadangan terbabit. Diminta cadangan ini diteruskan bagi menjana pendapatan Koperasi.

Pengerusi memberitahu kepada anggota, sebarang kertas kerja yang diterima akan dibincang dan dipertimbangkan. Kemudian penelitian dan kajian akan dilakukan berdasarkan dari pelbagai aspek seperti kepentingan cadangan tersebut kepada koperasi, kesediaan USM, logistik, operasi dan permintaan pasaran. Cadangan yang bernas dan dapat membantu menjana pendapatan koperasi akan diberi keutamaan.

Hal-hal Lain

15. Profesor Saringat Haji Baie mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi kerana memberi peluang kepada beliau untuk memberikan ucapan. Beliau memohon maaf sekali lagi sekiranya terdapat sebarang kesalahan dan kesilapan kepada semua anggota Koperasi. Beliau yakin bahawa koperasi akan terus maju di bawah pimpinan semua anggota Lembaga Pengarah yang sangat berkaliber.

Pengerusi menanggungkan mesyuarat pada jam 11:00 pagi dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir.

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 34

KOPERASI USM BERHAD

29-10-2009

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
1	001378	A RAHMAN BIN ISMAIL	31	000379	ABU BIN OTHMAN
2	004579	ABD AKLA BIN WAN ISMAIL	32	005546	ADLI HANAFI BIN AZMI
3	005236	ABD MANAN BIN ABD RAHMAN	33	004818	ADNAN BIN MOHD SHAMEL
4	001796	ABD RAHIM BINTI KAMARUDIN	34	005160	AHMA ZULKEFLI BIN ABU HASSAN
5	004632	ABD RAHMAN BIN ALI	35	005401	AHMAD AZRULHISHAM BIN ABDUL RAHIM
6	005086	ABD RAHMAN BIN KHALID	36	005005	AHMAD BIN PITCHAY
7	001493	ABD WAHAB BIN ABU HASSAN	37	005523	AHMAD FAIZAL BIN MUSA
8	005161	ABD. HAMID BIN ISMAIL	38	005455	AHMAD NASRUDDIN BIN AHMAD
9	004754	ABDOLLAH BIN ALI MUSA	39	005155	AHMAD NIZAL BIN RAMJAN
10	005411	ABDUL ALIF BIN ISHAK	40	005106	AHMAD TAJUDIN BIN ABD RASHID
11	005226	ABDUL AZIZ BIN AHMAD LUDIN	41	005134	AIDA BINTI ISHAK
12	004544	ABDUL AZIZ BIN HUSSIN	42	004567	AINI BINTI YUSOF
13	004939	ABDUL HALIM BIN ISMAIL	43	002373	AINUDDIN BIN BAHARI
14	004700	ABDUL HAMID BIN HAROON	44	004834	AISHAH BINTI ABU BAKAR
15	004844	ABDUL JALIL BIN ISHAK	45	005353	ALFENDI BIN JAMALUDDIN
16	005107	ABDUL JALIL BIN SUID	46	004734	ALI BIN ABD RAHIM
17	004639	ABDUL JALIL CHIN BIN ABDULLAH	47	000508	ALICE OH SIEW LEE
18	004793	ABDUL KADER BIN SALLEH	48	001334	AMANULLAH BIN RAHMAN SHA
19	005118	ABDUL KAHAR BIN KHALID	49	002437	AMIN RAZIP BIN HASSAN
20	005330	ABDUL LATIB BIN ISMAIL	50	002537	AMINAH BINTI ISMAIL
21	001538	ABDUL MUTALIB BIN ISMAIL	51	005511	AMIR ZAIDI BIN ABU HASSAN
22	004903	ABDUL MUTALIB BIN SAAD	52	005354	AMIR ZAYYANI BIN ZAHARI
23	005158	ABDUL RAHIM BIN OSMAN	53	001696	ANAS BIN HASAN
24	004946	ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN	54	005002	P.ANDREW A/L PETER JOHN
25	005272	ABDUL RASHID KHAN BIN ABDUL HAMEED	55	004801	ANEES JANEER BIN ALI
26	004960	ABDUL RAZAK BIN HASHIM	56	001419	ANG FUEY PHAIK
27	005365	ABDUL SALLEYM HAFIZ BIN ABDUL HAMID	57	005514	ANGEL OLIVE ARUL A/P ARULPAKIAM
28	004985	ABDUL WAHAB BIN AYOB	58	005120	ANGSOOMMUDDIN BIN KAMIS
29	005258	ABDULLAH BIN HAJI NANYAN	59	005373	ANIS IDAYU BINTI MOHD TAHIR
30	004975	ABDULLAH BIN YUSOFF	60	005212	ARIFFIN AZIZ

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 34
KOPERASI USM BERHAD
29-10-2009

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
61	004974	ARIFIN BIN SAIM	91	004815	CHE ZAHARAH BINTI IDRIS
62	004729	AROL KUMARAN	92	004783	CHE ZAUYAH BINTI SAAD
63	001258	ASIAH PAKIR MOHD	93	001297	CHEAH KWEE TIEN
64	004600	ASMA BINTI SHARIFF	94	001501	CHEE SAI GNOW
65	001406	AW YEONG CHOEK HOE	95	001343	CHEW MUN WAI
66	004833	AWANIS BINTI MOHD RADZI	96	001294	CHOW CHENG POR
67	005344	AZHAR BIN BAHARI	97	001424	CLEMENT G D'SILVA
68	005505	AZHAR BIN DAUD	98	004984	DANALETCHUMY A/P MANARMANI
69	004998	AZHARI BIN ABDUL AZIZ	99	004612	DANALETCHUMY MUNIANDY
70	005193	AZILAH BINTI ANI	100	005351	DARUL HISHAM BIN YUSOFF
71	004599	AZIZAH BINTI JAMAL	101	004803	DASYILAHANIM MOHD DESA
72	004655	AZIZAH NOOR	102	004704	DEMAS BINTI HARUN
73	005400	AZIZAN BIN MD ZIN	103	005425	DEVAGARAN A/L PEETIKA VALAPPIL
74	005170	AZIZI BIN AZMI	104	005321	DZURINA AZURA BINTI SAHAT
75	005544	AZMAN BIN GAFOR	105	004967	EMELDA ROHAIZA BINTI MOHD RADZI
76	005062	AZMI BIN ABDULLAH	106	005393	ENGKU SHAHIDIL BIN ENGKU AB RAHM
77	004962	AZMI BIN IBRAHIM	107	005230	ERMAN KAMAL BIN MUSTAFA KAMAL
78	004761	AZMI BIN SAMSUDIN	108	005462	ERNIZA BINTI ABDUL KADER
79	004809	BADRIYAH BINTI CHE MAY	109	005370	FADHRUMAIZAH BT TAJUL AROF
80	004557	BALA SAMY	110	004772	FADZLIYATON BINTI HASSAN
81	001445	BALASUBRAMANIAM KANDASAMY	111	004675	FAIZAH BINTI ATAN
82	004648	BEBEE FADEELAH ZACHARIAH MERICAN	112	004820	FARAH SHAFINAZ BINTI IBRAHIM
83	004629	BOOPALAN SOUNDARAJU	113	001344	FARIDAH BIN MOHD NOR
84	005213	BURHANUDDIN BIN SAAD	114	004718	FARIDAH BINTI ISHAK
85	001549	CHAN KAM CHEE	115	004717	FARIDAH BINTI JUSOH
86	001434	CHE MERAH BINTI ISMAIL	116	004585	FARIDAH BINTI SHAHIRAN
87	004876	CHE OM BINTI MD NOOR	117	004324	FAROOK ADAM
88	004830	CHE SHARIFAH BINTI MAAROP	118	005225	FATIMAH BEBE BINTI MOHAMAD ALI
89	002235	CHE SOFIAH BINTI SAIDIN	119	004927	FATIMAH BINTI HASSAN
90	004130	CHE SU BINTI ENDUD	120	002321	FATIMAH BINTI SALEH

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 34
KOPERASI USM BERHAD
29-10-2009

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
121	005363	FAUZIAH BINTI AHMAD	151	001417	HOW KHIM BAN
122	004684	FAUZIAH BINTI ISMAIL	152	005075	HUSAINI BIN YAACOB
123	004871	FAUZIAH ISMAIL	153	004873	HUSNAH BINTI ARIFFIN
124	004789	FAUZILAH BINTI MD HUSSAIN	154	004735	HUSRIATI BINTI HUSSAIN
125	004841	FAUZLINA BINTI MOHAMED HUSIN	155	005052	HUZIAH BINTI HAJEE TAJUDEEN
126	004838	FAZILLAH BINTI AHMAD YUSOFF	156	001217	IBRAHIM MOHAMAD
127	001251	FONG SEW KHUAN	157	004958	IDRIS BIN ALI
128	001291	FOO THIN CHOON	158	005473	IDRIS BIN MD. YUSUP
129	004750	GUNASECGRAN KANNIAPPEN	159	005398	IDZHAR BIN AHMAT
130	005327	HAFIZ ANUAR BIN MOHD SAMSURI	160	005096	ISHAK BIN MAHASHAR
131	005133	HALIM BIN HAMID	161	005179	ISMAIL BIN ABU HASSAN
132	004897	HALIMATON EKMAR BINTI ABDUL HADI	162	005356	ISMAIL BIN MAN
133	005097	HAMIDAH BINTI OMAR	163	005063	ISMAIL BIN OSMAN
134	005044	HAMIDATON BIN BAKAR	164	001530	J BALAN GOVINDARAJU
135	005276	HAMIZAH BINTI A.HALIM	165	004548	JABARULKHAN BIN E S ISMAIL
136	004943	HAMZAH BIN YUSOFF	166	004979	JAGATHESAN A/L RAMASAMY
137	001414	HAPISAH BINTI MAT	167	004724	JAHARA BEE ABDUL RAHMAN
138	005112	HARIKUMAR A/L RAMALINGAM	168	005443	JAMAL MOHAMED BIN SHAHUL HAMEED
139	005148	HARMIZA BINTI HUSSAIN	169	004969	JAMALUDDIN BIN YAHAYA
140	002922	HASAN SUKIT	170	004988	JAMIL BIN HASHIM
141	004562	HASHIM BIN OTHMAN	171	004758	JAMILAH BINTI AHMAD
142	005018	HASHIM BIN OTHMAN	172	005000	JULIA BINTI JAAFAR
143	005181	HASLINDA BINTI MUSA	173	001014	JULIE CHUAH SUAN CHOO
144	004638	HASLINDA BINTI ZAKARIA	174	004755	JUNAIDAH BINTI ABU BAKAR
